

Headline	Menyelami nurani Norlina Alawi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Aug 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	26	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	362 cm ²
Journalist	Abdul Razak Hussin	AdValue	RM 12,209
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,627



Menyelami nurani Norlina Alawi

*Kesanggupan ibu enam anak susui bayi
hidap HIV/AIDS harus dicontohi*



**ABD RAZAK
HUSSIN**

Apabila Puri Pujangga UKM mengundang penulis ke majlis berbuka puasa dengan Keluarga Besar Norlina Alawi (**gambar**) pada 26 Julai lalu, penulis dengan gem-bira menerima undangan itu dan mengajak Iqmal, anak penulis, untuk memahami bagaimana wanita yang dikenali di media massa ini boleh melakukan sesuatu yang luar biasa bagi kebanyakan orang. Penulis pernah menonton di televisyen mengenainya namun tidak terfikir akan bertemuinya secara langsung.

Selesai berbuka puasa, Norlina dipersilakan memeriahkan program Jelajah Cinta Tanpa Sempadan yang dipromosikannya. Berlinanglah air mata hadirin dengan kisah jatuh bangun dilaluinya menyelamatkan sebahagian kecil anak malang dari seluruh negara. Ibu manakah di Malaysia malah di dunia yang sanggup menerima, merawat dan membesarkan anak kecil yang sebahagiannya tidak diketahui asal-usulnya? Apatah lagi yang sedang menghidap HIV/AIDS. Walaupun hanya suri rumah, Norlina bertekad melakukannya dan menumpahkan kasih sayangnya sebagai ibu kandung.

Selami jiwa Norlina

Penulis cuba menyelami jiwa Norlina ketika bersama-sama wartawan menemuramah beliau selepas majlis. Setiap hari, menerusi media massa yang dibaca dan

ditontonnya, ada saja bayi dibuang, ditinggalkan di tempat sampah, digonggong binatang liar, diletakkan di tangga masjid dan seumpamanya. Semuanya menyesak-dadanya. Siapakah yang akan menyelamatkan dan membesarkan anak-anak yang tidak berdosa itu?

Amat menyentuh dhamir penulis ialah pengorbanannya untuk 'mengangkat' seorang bayi yang bakal lahir daripada ibu yang menghidap HIV/AIDS. Menerusi pembacaannya, anak itu mesti diberikan susu daripada ibu yang sihat untuk membina sistem pertahanan yang mampu melawan penyakit yang berisiko tinggi.

Justeru, Norlina merancang beliau sendiri harus hamil untuk membolehkannya menyusukan sendiri bayi itu nanti dan rencananya berjaya. Namun, bayi itu lahir lebih awal daripada bayi yang dikandungnya. Maka beliau merayu, agar kakak sulungnya yang sedang menyusukan anak sendiri turut menyusukan anak angkat pertamanya. Selepas Norlina melahirkan anaknya yang keenam, barulah anak angkat itu disusukan sendiri sepenuhnya.

Tidak pernah tolak

Selepas itu, bagai dilorongkan Tuhan, Norlina tidak pernah menolak jika ada orang ingin menyerahkannya anak untuk dipelihara. Tanpa sebarang syarat, Norlina menerimanya dengan keinsafan bahawa semuanya adalah anugerah dan amanah Allah. Pelbagai pergolakan berlaku pada

peringkat awal, untuk memberi kefahaman kepada suami (Leftenan Kolonel Roslan Zakaria), anak-anak dan ahli keluarga, tetapi dengan keikhlasan ditunjukkannya, akhirnya semua pihak menerima dan menyokongnya.

Headline	Menyelami nurani Norlina Alawi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Aug 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	26	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	362 cm ²
Journalist	Abdul Razak Hussin	AdValue	RM 12,209
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,627

Jana empati

Namun tidaklah mudah untuk beliau menjana empati dan dukungan pihak lain di luar lingkungannya. Beliau sering mendengar tohmahan, kata nista dan fitnah dilemparkan kepadanya seperti sudah tidak siuman, hendak membina kemewahan dengan menjadi seniwati air mata dan gila publisiti.

Dari manakah mengalirnya kasih sayang itu, melainkan anugerah Allah yang sangat mengagumkan. Bagaimana Norlina memperoleh hakikat diri, mempasrahkan seluruh iktikad dan keyakinannya hanya kepada Allah, memerdekakan jiwanya, ahli keluarga dan sebahagian anggota masyarakat daripada segala belenggu yang memenjarakannya untuk menyelamat dan mengangkat martabat golongan yang hampir menggelongsor tercampak daripada arus perdana kemajuan dan pembangunan negara. Persoalannya mengapa amat sedikit yang dianugerahkan dengan kehebatan itu?

Alangkah bahagianya Malaysia seandainya ada ribuan 'Norlina' di negara ini. Itulah saja sebenarnya objektif Jelajah Cinta Tanpa Sempadan untuk melahirkan lebih ramai Norlina Alawi di negara ini.



Terasa kerdil

Selepas mendengar perjalanan hidup Norlina, penulis amat malu dengan diri sendiri. Walaupun kini penulis menjadi seorang daripada pemegang amanah sebuah rumah anak yatim di Banda Aceh bagi memenuhi pesan Allahyarham bapa, penulis berasa amat kerdil dan jauh terkebelakang jika dibandingkan dengan Norlina dalam soal membantu golongan terpinggir.

Menerima hakikat, universiti seharusnya menjadi bumi untuk memupuk dan menyegarkan kesukarelawan dalam kalangan warga khususnya pelajar, amatlah menyedihkan apabila mendengar rungutan pegawai yang mengurus khidmat kemasyarakatan, pelajar kini sering bertanya jika mereka terbabit dalam sesuatu aktiviti adakah mereka memperoleh kredit? Ini menunjukkan semangat kesukarelawan belum berakar umbi di kampus dan mendesak kita mencari jawapan bagaimana untuk memupuk kesuburan jiwa merdeka dan kesukarelawan apatah lagi pengorbanan seperti ditunjukkan Norlina.



E-mel ke

Anda boleh berkongsi pendapat di rencanabh@bharian.com.my